

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

NOVEMBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

Ili Nabihan Bt Aziz

bertajuk

**Laporan Untuk Merekabentuk Baru
Spa Mustika Ratu**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan

: Anah - (3/11/09)

Pn. Ruzana bt A. Kadir

Koordinator Kursus

: _____

Pn. Azizah Bt Md Ajis

Koordinator Program

: _____

Professor Madya Dr. Mohd
Sabrizaa Bin Abd.Rashid

ABSTRAK

Bagi projek akhir IND 381 (Kursus Rekabentuk Dalaman), saya telah memilih cadangan projek untuk Merekabentuk Baru Spa Mustika Ratu. Projek ini menjadi pilihan berdasarkan kajian yang telah dibuat samada dalam pencari masalah yang sediada, pemerhatian, pengumpulan data dan lain-lain. Selain daripada itu, perkara yang perlu di ambil kira dan dititikberatkan dalam menjayakan sesuatu projek adalah mengetahui objektif, skop, halangan dan kepentingan projek khususnya. Kesemua hal ini adalah sangat penting dan merupakan perkara yang perlu diketahui sebelum memulakan sesuatu projek. Pemilihan cadangan ini adalah berdasarkan kajian dan pemerhatian yang telah dibuat dan menunjukkan wujudnya masalah-masalah tertentudan ianya masih tidak dibaiki. Namun kewujudan Spa Mustika Ratu ini dapat memberi perkhidmatan urutan dan suasana yang berkonseptan bali dengan menggunakan produk kecantikan dan kesihatan daripada Mustika Ratu. Selain itu juga dapat meningkatkan penjualan produk Mustika Ratu. Kajian yang dijalankan adalah untuk memperolehi maklumat terperinci mengenai projek yang akan dijalankan. Maklumat ini bertujuan untuk membantu setiap proses rekabentuk dalaman serta dapat mengikuti dan menepati cirri-ciri yang diperlukan dan yang ditetapkan oleh klien. Melalui kajian yang dijalankan didapati terdapat masalah-masalah yang timbul dimana para pelanggan tidak dapat mengetahui keberkesanan produk Mustika Ratu sebelum menggunakannya. Disamping itu, produk Mustika Ratu kini lebih mendapat persaingan hebat dengan produk-produk kecantikan dan kesihatan yang lain. Daripada situasi ini cadangan merekabentuk baru spa ini adalah bertujuan untuk menghasilkan sebuah spa yang berkonseptan bali dan mengharapkan kunjungan pelanggan dapat berkongsi dan merasai suasana tropika yang sebenar.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi kandungan	iii
Senarai Rajah	vi
Senarai Jadual	x
Senarai Lampiran	x
Senarai Singkat Kata	xi

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0 PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 METODOLOGI KAJIAN	2
1.3 MATLAMAT KAJIAN	3
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	4
1.5 SKOP KAJIAN	7
1.6 HALANGAN KAJIAN	9
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	11
BAB 2.0 KLIEN	
2.1 LATARBELAKANG	12
2.2 CARTA ORGANISASI	13
2.3 VISI DAN MISI KLIEN	14
2.4 IMEJ KORPORAT KLIEN	15
2.5 MUSTIKARATU PRODUK	15

BAB	3.0	KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	ANALISA TAPAK	28	
3.2	PETA BANSAR	29	
3.3	KRETERIA PEMILIHAN TAPAK	30	
3.4	PETA KAWASAN TAPAK	31	
3.5	INFRASTRUKTUR DAN KEADAAB PERSEKITARAN	32	
3.6	AKTIVITI ALIRAN TRAFIK	42	
3.7	AKSES TAPAK	45	
3.8	KEMUDAHAN ASAS	46	
3.9	ANALISIS BANGUNAN	53	
3.10	KEMASAN	66	
3.11	PELAN ASAL TAPAK PROJEK	69	
3.12	RUMUSA	71	
BAB	4.0	KAJIAN KES	
4.1	KAJIAN KES	72	
4.2	KAJIAN KES 1	73	
4.3	RAWATAN SPA KES 1	76	
4.4	RUANGAN SPA	77	
4.5	KAJIAN KES 2	81	
4.6	RAWATAN SPA KES 2	84	
4.7	KAJIAN KES 3	91	
4.8	PERKHIMATAN SPA KES 3	95	
4.9	RUANGAN SPA KES 3	97	
4.10	KAJIAN KES 4	103	
4.11	RAWATAN SPA KES 4	106	
4.12	RUANGAN SPA KES 4	107	
4.13	ANALISIS KAJIAN KES	113	

BAB 1.0

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN PROJEK

Seperimana yang kita tahu, spa ialah merupakan satu tempat persinggahan untuk beristirehat tidak kira lelaki atau perempuan. Spa juga merupakan tempat dimana kita boleh melepaskan penat setelah bekerja disamping itu juga spa juga boleh memberikan kecantikan tubuh badan serta kesihatan kepada tubuh badan. Selain tubuh badan, spa juga telah mewujudkan banyak aktiviti sampingan seperti urutan, rawatan kulit muka, dan juga fizikal dalaman tubuh badan kita. Kini di Malaysia, telah banyak kita dapat pelbagai jenis spa yang dapat kita jumpai. Industri ini juga diperakui oleh kerajaan sebagai salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi negara. Sebagai contoh, rawatan spa traditional di negara kita ini telah dapat menarik minat pelancong dari luar negara malahan pelancong negara sendiri kerana rawatan traditional yang dihasilkan dari bahan-bahan alam semulajadi, seperti herba, akar kayu, dan juga tanaman-tanaman yang mengandungi khasiat sendiri.